



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS GRADUASI TADIKA GENIUS BERSINAR
TAHUN 2023**

4 FEBRUARI 2024 (AHAD)

3.00 PETANG

**DEWAN SEKOLAH METHODIST WESLEY
BANDAR SERI COALFIELDS, SUNGAI BULOH
SELANGOR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

SALUTASI

*disediakan secara berasingan

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa kesyukuran kerana diberi kesempatan untuk berhimpun pada petang ini dalam majlis yang amat bermakna terutama bagi anak-anak Tadika Genius Bersinar.
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih terutama kepada Pengerusi Tadika Genius Bersinar, para guru dan ibu bapa kerana telah sudi mengundang saya pada majlis ini.

PENDIDIKAN AWAL PRASEKOLAH

3. Saya difahamkan pada hari ini seramai 38 orang murid daripada Tadika Genius Bersinar menamatkan pendidikan prasekolah. Pendidikan di peringkat prasekolah amat penting untuk masa hadapan kanak-kanak yang bakal memasuki

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil untuk meneruskan pendidikan tahap sekolah rendah.

4. Kerajaan sedar mengenai kepentingan untuk menyediakan pendidikan awal yang baik dan berkualiti kepada kanak-kanak sebagai asas kepada pembangunan insan yang mampu melahirkan generasi pelapis berminda kelas pertama. Kerajaan amat prihatin bahawa kejayaan masa depan kanak-kanak bergantung pada persediaan yang diterimanya semasa kecil.

MEMPERKUKUH DASAR PERPADUAN NEGARA

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Susulan daripada rombakan kabinet yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, kini KPN turut diperkukuh dengan penyertaan agensi **Unit Transformasi Masyarakat India** (MITRA). MITRA merupakan sebuah unit khas yang bertanggungjawab dalam menangani isu pembangunan sosioekonomi masyarakat India di Malaysia.

6. Melalui pengukuhan ini, ia memberikan kelebihan kepada KPN untuk mencapai **tiga (3) objektif Dasar Perpaduan Negara** yang menetapkan strategi jangka panjang dalam usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat.

7. Tiga (3) objektif tersebut ialah :

- i. Mengukuhkan **perpaduan dan integrasi nasional** berteraskan **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**;
- ii. Membentuk **identiti nasional** dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab; dan
- iii. Melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan **mengamalkan perpaduan**.

BANTUAN SUBSIDI PRASEKOLAH MITRA

8. Pelbagai jenis bantuan telah disediakan seperti bantuan subsidi pendidikan awal prasekolah bagi menyumbang kepada kualiti pendidikan di peringkat awal dan secara tidak

langsung dapat membantu masa depan yang cerah bagi kanak - kanak golongan B40 dalam semua aspek.

10. Saya difahamkan pada tahun 2023, MITRA telah memberi subsidi prasekolah kepada 168 buah tadika bernilai RM10.5 juta dengan manfaat kepada 4,450 murid-murid.
11. Daripada jumlah tersebut, Tadika Genius Bersinar telah mendapat subsidi berjumlah RM297 ribu yang mensasarkan 124 murid-murid. Setiap murid-murid telah menerima subsidi bernilai RM200 sebulan meliputi yuran bulanan RM150 dan kos makanan RM50 selama 12 bulan.
12. Semoga dengan bantuan subsidi yang diberikan dapat mengurangkan sedikit sebanyak beban ibu bapa dalam membiayai persekolahan anak-anak mereka.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PERHARGAAN KEPADA PELAJAR DAN IBU BAPA

13. Setiap tahun, pihak sekolah tidak pernah ketinggalan untuk mengadakan majlis untuk meraikan kejayaan cemerlang murid-murid. Sudah tentu, guru-guru telah berusaha dengan

gigih supaya majlis pada hari ini berjalan dengan lancar dan teratur. Begitu juga ibu bapa tidak lupa berganding bahu, mencurahkan tenaga bagi menjayakan majlis pada hari ini.

14. Saya percaya sokongan dan kerjasama padu serta sokongan yang berterusan akan dapat meningkatkan lagi hubungan baik antara pihak sekolah dan ibu bapa untuk terus melakar kejayaan yang cemerlang.
15. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada anak-anak kita yang bakal menamatkan pembelajaran di tadika dan seterusnya akan melangkah ke alam persekolahan. Saya yakin anak-anak yang kita raikan pada hari ini merupakan waris yang bakal mendukung impian dan harapan negara.
16. Sekalung penghargaan jua diucapkan kepada semua guru tadika sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah bekerja keras demi menyediakan dan menyampaikan pembelajaran yang berkualiti kepada para murid.
17. Kepada para ibu bapa, saya ucapkan syabas kerana sama-sama turut memainkan peranan penting dalam perjalanan

pembelajaran anak-anak kita sepanjang tahun ini. Ingat, ibu bapalah yang bertanggungjawab dalam mencorakkan masa depan anak-anak kita.

Saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Graduasi Tadika Genius Bersinar Tahun 2023.**

Sekian, terima kasih.